



NEGERI BRUNEI
UNDANG2 No. 8 TAHUN 1967
UNDANG2 BARANG2 PURBAKALA DAN
HARTA TERPENDAM, 1967

Beta bersetuju,



OMAR ALI SAIFUDDIN
Sultan.

Satu Undang2 untuk mengadakan sharat2 bagi pengawalan dan pemeliharaan tanda2 peringatan purba dan yang bersejarah, tapak2 dan bekas2 dari zaman purba dan barang2 purbakala; untuk mengatorkan Undang2 berkaitan dengan harta terpendam dan bagi perkara2 yang berhubung dengannya.

[1-1-1967]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti berikut :—

BAHAGIAN I
GELARAN PENDEK DAN PERMULAAN
DAN TAFSIRAN

- pendek nulaan.
1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai **Undang2 Barang2 Purbakala dan Harta Terpendam, 1967** dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb January, 1967.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Undang2 ini, melainkan kandongan ayat-nya berkehendakan sechara lain —

“tanda2 peringatan purba” berma’ana sebarang tanda peringatan di-Negeri Brunei yang bertarikh atau ada kemungkinannya boleh di-perchayai bertarikh dari sesuatu ketika sebelum satu haribulan January, 1894, dan termasok tanda peringatan lain yang telah di-ishtiharkan menurut sharat2 bab 17 dari Undang2 ini menjadi satu tanda peringatan bagi maksud2 Undang2 ini;

“barang purbakala” berma’ana —

- (a) sebarang benda yang boleh di-gerakkan atau yang tidak boleh di-gerakkan atau sesuatu bahagian dari tanah atau dari dasar sesuatu sungai atau tasek atau dari laut, yang telah di-bena, di-bentok, di-lukis, di-dirikan, di-gali atau di-keluarkan sechara lain atau di-ubah oleh kuasa ma’anusia pada sasuatu tarikh sebelum atau yang ada kemungkinan di-perchayai bertarikh sebelum 1hb January, 1894; dan
- (b) sebarang bahagian dari sesuatu benda yang sedemikian yang mana telah pada sesuatu tarikh yang terkemudian dari itu di-tambahkan kepada-nya atau di-bena semula atau di-pulehkan; dan
- (c) sebarang tulang-temalang ma’anusia, reja2 tumbohan atau binatang yang bertarikh atau ada kemungkinannya boleh di-perchayai bertarikh dari satu ketika sebelum 1hb January, 1894; dan
- (d) sebarang tanda peringatan purba :

Dengan sharat bahawa sebarang benda atau bekas2 —

- (i) yang mana telah di-bawa masok ka-dalam Negeri ini pada atau selepas permulaan Undang2 ini; atau

(ii) kepada-nya mana kechenderongan orang ramai sechara satu watak tempatan atau bersejarah kebangsaan, 'adat resam, kesenian, zaman purba atau 'ilmu science lain tidak bersangkut-paut;

tidak akan di-anggap menjadi satu barang purbakala bagi maksud Undang² ini;

“Negeri” atau “Brunei” berma’ana ‘Negeri Brunei;

“Pengarah” berma’ana Pengarah Museum, Negeri Brunei;

“Pegawai Daerah” berma’ana pegawai yang menguasai dalam segi pentadbiran sebuah daerah;

“tempat bersejarah” berma’ana satu tempat yang telah di-ishtiharkan menurut sharat² bab 17 dari Undang² ini menjadi suatu tempat yang bersejarah bagi maksud² Undang² ini;

“tanda peringatan” berma’ana sebarang rumah berhala, mesjid, gereja, bangunan, tanda peringatan, perlabuhan, benteng² dan kubu², batu bersejarah, keramat, gua atau bangunan lain, pembangunan atau penggalian, dan sebarang makam, kubor atau tempat perkuboran lain atau sebarang harta yang tidak boleh digerakkan sajenis yang sedemikian yang lain atau mana² satu bahagian atau bekas² yang sedemikian itu, pemeliharaan yang mana ada-lah menjadi perkara kechenderongan orang ramai, di-sebabkan oleh kechenderongan ugama, sejarah, 'adat resam atau 'ilmu zaman purba berhubongan dengan-nya, dan termasok tapak sebarang tanda peringatan dan mana² satu bahagian tanah yang berdampingan dengan tapak yang sedemikian yang mungkin di-kehendaki untuk

memagari atau memperlindungi atau sebalek-nya memelihara sebarang tanda peringatan dan jalan masuk ka-tempat tersebut;

“pendudok” termasok pengusaha atau orang yang sebenar2-nya memileki, mengurus atau mengawal sebarang tanah, dan termasok sebarang orang yang mempunyai hak pemilekan atau pengawalan terhadap sebarang harta yang boleh di-gerakkan;

“tuan yang empunya” berma’ana, bersangkutan dengan sebarang tanah, pemilek yang berdaftar terhadap-nya di-dalam Negeri dan tuan yang empunya atau pemegang yang sah menurut hak milek yang lazim terhadap-nya di-dalam Negeri;

“Setia Usaha Kerajaan” berma’ana Setia Usaha Kerajaan Brunei;

“Sultan” berma’ana Sultan Brunei;

“harta terpendam” berma’ana sebarang wang, duit shiling, emas, perak piring, ma’anikan, batu permata atau sebarang benda atau barang yang berharga yang telah di-jumpai tersembunyi, atau di-dalam sebarang apa pun yang melekat kapada tanah atau dasar sa-batang sungai atau laut, tuan yang empunya terhadap mana tidak-lah di-ketahui atau tidak boleh di-dapati, tetapi tidak akan termasok sebarang barang purbakala.

(2) Bagi maksud memutuskan sama ada sebarang benda ada-lah atau bukan sesuatu barang purbakala maka akan di-tubohkan sa-buah Jawatankuasa Muzium, yang akan di-gelar Jawatankuasa Muzium, di-dalam cheraian ini di-sebutkan sebagai “Jawatankuasa itu”, mengandongi —

- (a) Setia Usaha Kerajaan, siapa yang akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu;
- (b) Pengarah, siapa yang akan menjadi Setia Usaha kepada Jawatankuasa itu;
- (c) tujoh orang ahli, termasok kesemua pegawai daerah dan orang2 lain yang akan di-lantek oleh Setia Usaha Kerajaan, satelah berunding dengan Pengarah,

dan keputusan Jawatankuasa itu sama ada sebarang benda ada-lah atau bukan satu barang purbakala ada-lah mu'tamad.

(3) Jawatankuasa Muzium boleh membuat mana2 satu peratoran yang di-fikirkan perlu bagi melakukan kewajipan2-nya dengan betul.

BAHAGIAN II

PENJUMPAAN, DAN HARTA-BENDA ZAMAN PURBA

benda
purba.

3. (1) Terta'alok kepada sharat2 Undang2 ini, tiap2 barang purbakala yang telah di-jumpai di-dalam Negeri pada atau selepas tarikh berjalan-nya kuat-kuasa Undang2 ini akan menjadi harta mutlak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei.

(2) Tiap2 tanda peringatan purba yang mana pada tarikh berjalan kuat-kuasa Undang2 ini adalah sekarang di-punyai oleh sebarang orang atau pengawalan terhadap yang mana tidak di-berikan kuasa-nya kepada sesiapa pun orang sebagai pemegang amanah atau pengurus, akan di-anggap menjadi harta mutlak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei.

(3) Semua barang2 purbakala yang telah di-jumpai (selain dari tanda2 peringatan purba), sama ada terletak di atas atau tersembunyi di-bawah muka bumi atau di-dalam sebarang sungai atau tasik atau di-dalam laut, akan di-anggap menjadi harta mutlak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei.

Ma'aluman tentang penjumpaan barang2 purbakala.

(4) Di-dalam sebarang penda'awaan berkaitan dengan sesuatu barang purbakala maka akan dijangka sahingga yang berlawanan ada-lah dibuktikan bahawa ia-nya telah di-jumpai salepas tarikh berjalan-nya kuat-kuasa Undang2 ini.

4. (1) Sebarang orang yang menjumpai sebarang benda atau tanda peringatan yang mana ia-nya mempunyai sebab memperchayai ada-lah sesuatu barang purbakala atau tanda peringatan purba hendak-lah sasa'at itu jua mema'alumkan penjumpaan-nya kepada Penghulu atau Ketua Kampong kawasan itu atau kepada Pegawai Daerah dalam daerah mana barang purbakala itu telah di-jumpai, dan jika dengan yang demikian dapat di-lakukan, hendak-lah menyerahkan barang purbakala itu kepada Pegawai Daerah, siapa yang akan memberi satu surat akuan penerimaan (Resip) terhadap-nya.

(2) Saorang Penghulu atau Ketua Kampong manakala menerima ma'aluman saperti yang di-dalam cheraian (1) dari bab ini hendak-lah mema'alumkan Pegawai Daerah dalam daerah mana barang purbakala itu telah di-jumpai.

(3) Jika Pegawai Daerah itu mempunyai sebab2 memperchayai bahawa sebarang benda yang telah di-jumpai di-dalam daerah-nya ada-lah satu barang purbakala maka ia-boleh dengan notis sechara bertulis berkehendakan orang yang menyimpan-nya, jika yang sedemikian dapat di-lakukan, menyerahkan yang tersebut sasa'at itu jua kepada Pegawai Daerah dalam daerah mana yang tersebut telah di-jumpai, dan Pegawai Daerah itu pada penyerahan kepada-nya akan benda yang sedemikian itu hendak-lah memberi satu surat akuan penerimaan terhadap-nya.

(4) Sa-orang Pegawai Daerah yang menerima ma'aluman di-bawah cheraian (1) dari Bab ini hendak-lah menghubongkan yang tersebut kepada Pengarah.

(5) Bila mana sebarang benda telah di-serahkan kepada sa-orang Pegawai Daerah di-bawah sharat2 cheraian (1) atau (3) dari bab ini atau bila mana

Pegawai Daerah itu mempunyai sebab2 untuk memperchayai bahawa sebarang benda atau tanda peringatan yang telah di-jumpai di-dalam Daerah-nya ada-lah satu barang purbakala, Pegawai Daerah dalam daerah mana benda yang sademikian itu telah di-jumpai atau tanda peringatan yang sedemikian itu ada terletak, yang mana2 satu perkara berlaku, hendak-lah mema'alumkan-nya kepada Pengarah siapa yang akan pada sa'at itu melaporkan perjumpaan tersebut kepada Jawatan-kuasa Muzium.

ngi
ang²
a yang

5. (1) Atas perjumpaan sebarang barang purbakala selain dari satu tanda peringatan purba saorang Pegawai Daerah akan berhak terhadap penyimpanan dan penjagaan yang tersebut bagi pehak Pengarah dan akan bertanggong-jawab terhadap chataan-nya (recording), dan dengan serta-merta menyerahkan-nya kepada Pengarah.

(2) Walau bagaimana pun Jawatankuasa Muzium mungkin memutuskan tidak akan menyimpan barang purbakala yang sademikian itu dan yang tersebut akan salepas itu di-kembalikan kepada orang yang menyerahkan-nya kepada Pegawai Daerah dan kemudian itu harta zaman purbakala yang sademikian itu akan di-anggap telah di-pindah milek kepada orang kepada siap barang purbakala yang sademikian itu akan menjadi kepunyaan-nya saumpama jua bab 3 dari Undang² ini tidak pernah di-perbuat.

(3) Manakala sebarang barang purbakala adalah di-simpan oleh Jawatankuasa Muzium, maka hendak-lah, terta'alok kepada sharat2 bab 7 dari Undang² ini, di-bayar oleh Jawatankuasa —

(a) //saparoh daripada nilai harga pasaran barang purbakala itu kepada orang yang menjumpai-nya dan saparoh daripada harga yang sedemikian// kepada tuan yang empunya tanah di-dalam atau di atas mana barang tersebut telah di-jumpai, atau, di-mana orang itu jua ada-lah si-penjumba yang tersebut dan tuan yang empunya tanah yang sedemi-

kian itu, keselurohan harga yang sademikian itu kepada orang yang sademikian itu; atau

- (b) bilamana barang purbakala itu ada-lah di-jumpai di-dalam atau di-atas Tanah Kerajaan oleh sebarang orang (selain dari sa-orang yang bertugas di-bawah kuasa dalam menjalankan sebarang perkerjaan atau kewajipan di-bawah Undang² ini) saparoh daripada nilaiang harga pasaran barang yang tersebut kepada si-penjumpa terhadap-nya;

dengan sharat bahawa atas penyimpanan sebarang barang purbakala pembayaran yang sedemikian itu, sebagaimana yang di-sebutkan tadi, tidak akan di-perbuat kepada orang yang menjumpai-nya sakiranya orang yang menjumpai itu telah gagal melaporkan penjumpaan yang tersebut menurut sharat² bab 4 dari Undang² ini.

**Pembahagian
barang purba-
kala.**

6. (1) Dengan tidak menghiraukan sharat² bab 3 atau 5 dari Undang² ini, Jawatankuasa Muzium boleh mengikat satu perjanjian sechara bertulis dengan sebarang orang siapa di-bawah sharat² bab yang tersebut akan berhak kapada nilaiang harga pasaran barang purbakala yang sademikian atau sesuatu bahagian daripada-nya, dengan mana orang yang sademikian akan menerima daripada Kerajaan, sebagai ganti harga yang sademikian yang akan di-tetapkan mengikut satu2 chara sebagaimana yang mungkin di-persharatkan di-dalam perjanjian tersebut.

(2) Tiap2 perjanjian di-bawah cheraian (1) dari bab ini akan mempunyai kuasa dan kesan dengan tidak menchechatkan sebarang apa di-dalam bab 5 dari Undang² ini;

Dengan sharat bahawa jika penjumpa sebarang barang purbakala tidak melaporkan penjumpaan terhadap-nya menurut sharat² bab 4 dari Undang² ini ia tidak akan berhak menerima sebarang bahagian dari barang purbakala yang sademikian di-bawah mana2 satu perjanjian.

rugi jika
purbakala
dilihara
atau
paan.

7. Jika Jawatankuasa Muzium berpendapat bahawa barang purbakala itu harus di-pelihara di-tempat di-mana ia-nya telah di-jumpai, maka ganti-rugi yang akan di-tetapkan oleh Jawatankuasa itu sahaja yang akan di-bayar kepada si-penjuma barang tersebut.

aran

8. Jika dalam sebarang perkara, pada pendapat Jawatankuasa Muzium yang telah menyimpan sebarang barang purbakala menurut sharat² Undang² ini, jumlah yang boleh di-bayar kepada si-penjuma atau kepada tuan yang empunya tanah di-bawah bab 5 dari Undang² ini tidak akan mencukupi dan si-penjuma atau tuan yang empunya yang sademikian itu bersetuju maka Jawatankuasa itu boleh atas pertimbangan-nya membayar kepada si-penjuma atau tuan yang empunya yang sademikian itu satu hadiah sa-jumlah wang yang ia-nya memikirkan patut yang tidak lebih dari satu ribu ringgit sebagai menggantikan sebarang pembayaran yang boleh di-bayar di-bawah bab 5 dari Undang² ini dengan sharat bahawa hadiah yang sademikian itu tidak akan di-bayar kepada si-penjuma di-mana si-penjuma telah gagal melaporkan penjumaan yang tersebut itu menurut sharat² bab 4 dari Undang² ini.

an atau
kan
dengan
in
p barang
ala.

9. (1) Menteri Besar boleh dengan memberi notis sechara bertulis berkehendakan sebarang orang yang memiliki satu barang purbakala atau berhak menurut undang² menjual atau melakukan sesuatu dengan jalan lain terhadap yang tersebut menegah menjual atau sabelak-nya melakukan sesuatu dengan jalan lain terhadap barang purbakala yang sademikian itu tanpa memberi notis mengenai sebarang penjualan dan sebagai-nya yang akan dilakukan sademikian.

(2) Sesiapa orang pun tidak boleh menjual atau sabelak-nya melakukan sasuatu dengan jalan lain terhadap sebarang barang purbakala sehingga tiga puluh hari telah lalu salepas penerimaan notis menurut sharat cheraian (1) dari bab ini dan sementara itu ada-lah sah bagi Kerajaan untuk membeli barang purbakala sademikian mengikut nilaiann

harga pasaran barang tersebut, dengan tidak menghiraukan sebarang perjanjian yang mana tuan yang empunya mungkin telah mengikatnya dengan orang lain.

Pertelengkahan nilai harga atau pembahagian.

10. Jika berlaku sebarang pertelengkahan diantara Jawatankuasa Muzium dengan sebarang orang mengenai nilai harga pasaran terhadap, atau satu harga yang berpatutan bagi, sebarang barang purbakala atau mengenai pembahagian sebarang barang purbakala mengikut sharat sesuatu perjanjian di-bawah bab 6 dari Undang² ini, pertelengkahan yang sademikian itu hendak-lah dikemukakan kepada Pengadil.

BAHAGIAN III

PENGGALIAN

Tidak boleh melakukan penggalian kechuali dengan lesen.

11. Terta'alok kepada yang di-persharatkan selepas ini, tidak boleh sa-saorang pun menggali bagi maksud mendapatkan barang² purbakala, sama ada ia-nya pemilek atau pun penduduk atau sabelak-nya, kechuali di-bawah kebenaran satu lesen yang di-keluarkan oleh Setia Usaha Kerajaan:

Dengan sharat bahawa tidak ada sesuatu pun di-dalam bab ini akan di-kenakan kepada sebarang penggalian yang di-selenggarakan oleh atau bagi pehak Pengarah.

Permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menggali.

12. (1) Tiap2 permohonan bagi mendapatkan satu lesen untuk menggali hendak-lah —

(a) di-perbuat kepada Setia Usaha Jawatankuasa Muzium dalam borang yang telah di-sediakan; dan

(b) mengandungi lukisan tanah yang lengkap dan tepat di atas mana ada-lah di-chadangkan untuk menyelenggarakan penggalian itu, jenis dan luas penggalian yang di-chadangkan, dan butir2 yang lain yang mungkin dikehendaki.

(2) Setia Usaha Jawatankuasa Muzium hendak-lah menghadapkan tiap2 permohonan yang sademikian itu kepada Setia Usaha Kerajaan berserta dengan sokongan Pengarah atas-nya.

an atau
in lesen
ienggali.
13. Setia Usaha Kerajaan boleh mengikut per-timbangan-nya memberi atau menolak sebarang permohonan bagi mendapatkan satu lesen untuk menggali dan hendak-lah memberi tahu Pengarah akan keputusan-nya :

Dengan sharat bahawa lesen yang sademikian itu tidak akan di-berikan melainkan Setia Usaha Kerajaan berpuas hati salepas sasuatu pe-nyiasatan yang mungkin di-anggap-nya perlu membuat —

- (a) bahawa pemilekan tanah di-mana penggalian yang di-chadangkan itu akan di-perbuat telah mempersetujui akan penggalian itu; dan
- (b) bahawa penggalian yang di-chadangkan tidak akan menyebabkan sebarang kerosakan atau kerumitan kepada orang2 yang tinggal dalam kawasan tanah yang sademikian itu atau sebarang tempat yang di-gunakan untuk maksud2 ugama, atau kepada sebarang kubor, sekolah, puncha atau bekalan ayer, tali ayer atau kerja2 saloran ayer atau jalan raya, atau bahawa jika sebarang kerosakan yang sademikian mungkin akan terjadi peruntukan yang chukop telah di-sediakan oleh si-pemohon terhadap pembayaran ganti-rugi bagi-nya; dan
- (c) bahawa si-pemohon dapat memberikan jaminan (security) untuk pematahan oleh-nya terhadap sharat2 Undang2 ini atau sebarang peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, dan terhadap sebarang sharat2 yang mungkin ter-kandong di-dalam lesen itu.

Sharat2 lesen.

14. (1) Sasuatu lesen yang di-keluarkan di-bawah bab 13 dari Undang2 ini akan di-beri bagi sasuatu tempoh (terta'alok kapada sharat2 bab 15 dari undang2 ini) dan terta'alok kapada sharat2 yang mungkin di-tetapkan di-dalam-nya.

(2) Sebagai tambahan kepada sabarang sharat yang lain sama ada sharat2 yang di-tetapkan pada 'am-nya atau yang di-tetapkan di-dalam sasuatu perkara yang tertentu, tiap2 lesen yang di-beri di-bawah sharat2 bab 13 dari Undang2 ini hendak-lah terta'alok kapada sharat2 yang berikut :—

- (a) pemegang lesen itu hendak-lah mengambil semua langkah yang berpatutan bagi pemeliharaan barang2 purbakala yang di-jumpai oleh-nya;
- (b) pemegang lesen itu hendak-lah menyelenggarakan penggalian2-nya mengikut sa-suatu chara scientific dan dengan memuaskan hati Pengarah;
- (c) pemegang lesen mesti-lah menyimpan rekod mengenai semua barang2 purbakala yang di-jumpai di-sepanjang masa penggalian;
- (d) pemegang lesen hendak-lah, dalam masa yang berpatutan, menarohkan dengan Pengarah gambar2, tuangan2, tekanan2 atau perturunan2 sebarang barang purbakala yang di-bahagikan kepada-nya menurut sharat2 bab 6 dari Undang2 ini sabagaimana yang Pengarah mungkin mengkehendaki;
- (e) pemegang lesen hendak-lah memberi sa-suatu peta2 dan gambar2 terhadap penggalian-nya sebagaimana yang Pengarah mungkin mengkehendaki.

**Penyambongan
dan pembatalan
lesen.**

15. (1) Sebarang lesen untuk menggali boleh, pada tamat-nya tempoh terhadap mana ia-nya telah di-beri, di-sambong oleh Setia Usaha Kerajaan bagi selama sa-suatu tempoh selanjut-nya atau tempoh2

yang ia-nya memikirkan patut, salepas menerima sokongan Pengarah.

(2) Sebarang lesen untuk menggali boleh pada bila2 masa sa-bbelum tamat-nya tempoh terhadap mana ia-nya telah di-beri, di-batalkan oleh Setia Usaha Kerajaan dan pemegang terhadap-nya tidak akan berhak menuntut ganti-rugi terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang telah di-alami atau yang di-katakan telah di-alami oleh-nya sebab pembatalan yang sademikian itu.

**amatkan
er-
an dan
ualian
rajaan.** 16. (1) Tidak ada sasuatu pun dalam Bahagian ini yang di-anggap akan membenarkan pencherobohan sebarang hak persaorangan atau pelanggaran sebarang undang2 bertulis yang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam Negeri Brunei.

(2) Jawatankuasa Muzium atau Kerajaan tidak akan di-kenakan sebarang tanggongan berkenaan dengan sebarang kerugian yang di-alami oleh sebarang orang atau sebarang kerugian yang di-sebabkan terhadap sebarang orang dalam menjalankan atau akibat dari sebarang penggalian yang di-selenggarakan di-bawah kuasa satu lesen yang telah di-beri di-bawah Bahagian ini, oleh sebab hanya dengan pemberian lesen yang sademikian itu.

BAHAGIAN IV

TANDA PERINGATAN PURBA DAN TEMPAT BERSEJARAH

**tiharan
ual
per-
purba
sejarah.** 17. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perentah mengishtiharkan sebarang tanda peringatan menjadi satu tanda peringatan purba dan sebarang tempat menjadi satu tempat bersejarah dan boleh menentukan kawasan2 tanda peringatan dan tempat yang sademikian itu.

(2) Pengarah hendak-lah, atas arahan Sultan dalam Majlis Mashuarat dan boleh, dengan persetujuan Sultan dalam Majlis Mashuarat, menyiaran dalam *Warta Kerajaan* satu Jadual tanda2 per-

Perbuatan2 yang
di-tegahkan
mengenai tanda2
peringatan
purba dan
tempat2
bersejarah.

ingatan purba dan tempat bersejarah serta dengan kawasan2-nya dan boleh dari masa ka-semasa, dengan persetujuan yang sarupa itu, menambah atau meminda jadual2 yang sademikian itu.

18. (1) Tidak sa-orang pun boleh dengan tidak kebenaran bertulis dari Setia Usaha Kerajaan dan kechuali menurut sharat2 yang ia mungkin menyatakan dalam kebenaran yang sademikian itu —

- (a) mengorek, menggali, membangunkan, menanam pokok2, menggali batu, mengayeri, membakar batu kapor atau membuat kerja sarupa itu atau menarohkan tanah atau sampah di atas atau di-dalam kawasan yang berdekatan sekali dengan sa-suatu tanda peringatan purba atau sa-suatu tempat bersejarah yang di-masukkan di-dalam jadual yang telah di-siarkan menurut sharat2 bab 17 dari Undang2 ini, sebagaimana yang telah di-tambahkan atau di-pinda dari masa ka-semasa, atau mengadakan atau meluaskan sa-suatu tempat perkuboran di atas sebuah tempat bersejarah yang di-masukkan di-dalam jadual tersebut; atau
- (b) merobohkan sa-suatu tanda peringatan purba atau mengusir, merintangi, mengubah, menanda, merontohkan atau memindahkan sebarang tanda peringatan yang sademikian atau sa-suatu bahagian daripada-nya; atau
- (c) membuat perubahan, tambahan2 atau pembaikan2 kepada sebarang tanda peringatan purba; atau
- (d) mendirikan bangunan2 atau tembok2 yang berdampingan dengan tanda peringatan purba.

(2) Tiap2 permohonan untuk kebenaran dibawah cheraian (1) dari bab ini hendak-lah disusulkan kepada Pengarah bagi mendapatkan sokongan2-nya.

aan
per-
1 purba
mpat²
rah.

19. (1) Di-mana2 sebarang tanda peringatan purba atau bersejarah ada-lah di atas harta persorangan Kerajaan boleh salepas berunding dengan Pengarah —

- (a) menguruskan dengan tuan yang empunya atau pendudok tanah tersebut bagi pemeliharaan, pemereksaan dan penjagaan dan bagi maksud tersebut membuat sa-suatu sumbangan dari pada hasil2-nya terhadap perbelanjaan menyelenggarakan sebarang kerja2 pemberian atau pemeliharaan yang dianggap-nya perlu dan yang mana tuan yang empunya atau pendudok tanah itu mungkin sanggup mengerjakannya;

Dengan sharat bahawa jika sa-suatu sumbangan yang sademikian itu terhadap perbelanjaan menyelenggarakan kerja2 yang sademikian di-berikan, kerja2 yang sademikian hendak-lah diselenggarakan menurut sa-suatu arahan sebagaimana yang Kerajaan salepas berunding dengan Pengarah mungkin memberi; atau

- (b) membeli atau memajak tempat tersebut dengan perjanjian (treaty) atau memperolehi tanah yang tersebut menurut sharat2 dari sebarang undang2 bertulis yang berkaitan dengan pengambilan tanah bagi maksud awam yang sedang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam Negeri Brunei; atau
- (c) berkenaan dengan sa-suatu barang tanda peringatan memindahkan keselurohnya atau sa-suatu bahagian daripadanya dengan menggantikan sebarang kerosakan yang telah di-lakukan kepada tempat itu atau kepada bangunan2 yang di-atas-nya oleh sebab sa-suatu pemindahan dan pembayaran ganti-rugi terhadap-nya: dengan sharat ba-

hawa jumlah ganti-rugi yang sademikian itu hendak-lah di-ikat dengan perjanjian, atau jika timbul sa-suatu pertelengkahan hendak-lah di-kemukakan kepada Pengadil.

(2) Jika Kerajaan tidak mahu menjalankan kuasa2-nya di-bawah sharat2 cheraian (1) dari bab ini maka ada-lah sah bagi Jawatankuasa Muzium menjalankan sebarang dari kuasa2 yang sedemikian bagi pehak Kerajaan, dengan sharat bahawa Kerajaan dalam perkara yang sademikian itu hendak-lah membuat bayaran2 dan memenohi tanggongan2 yang mana Kerajaan akan di-kehendaki di-bawah bab ini membayar atau di-bawah bab ini memenohi jika ia-nya sendiri telah menjalankan kuasa2 yang sademikian.

Pemereksaan
tanda2 per-
ingatan dan
tempat2
bersejarah.

20. (1) Tuan yang empunya atau pendudok sa-suatu tanda peringatan purba atau tempat bersejera-rah hendak-lah pada bila2 masa yang berpatutan membenarkan Setia Usaha Kerajaan dan Pengarah atau sebarang orang atau pegawai yang di-beri kua-sa oleh Setia Usaha Kerajaan, sama ada pada 'am-nya atau khas-nya bagi maksud itu masok ka-dalam tempat tersebut kerana pemereksaan atau menjalankan sebarang pengkajian atau kerja yang perlu bagi pemulehan, pembaikan, pengubahan, penjagaan atau pemeliharaan terhadap-nya sebagaimana di-anggap-nya patut atau perlu :

Dengan sharat bahawa tanggongan yang di-kenakan oleh bab ini akan berbangkit hanya jika tuan yang empunya atau pendudok yang sademikian telah menerima notis sechara bertulis tidak kurang daripada tujoh hari sbelum pemasukan yang di-chadangkan.

Dengan sharat selanjut-nya bahawa jika sebarang orang membantahi pemasukan yang sademikian atau pelaksanaan sebarang kerja yang sademikian oleh sebab2 keperchayaan hati-nya atau ugama pemasukan atau kerja2 yang sademikian tidak akan di-lakukan atau di-laksanakan kechuali dengan kebenaran sechara bertulis terlebeh dahulu di-perolehi dari Sultan dalam Majlis Mashuarat.

(2) Tidak sa-orang pun tuan empunya tanah atau penduduk akan berhak menuntut ganti-rugi kerana sebarang kehilangan atau kerusakan yang di-alami atau di-katakan telah di-alami oleh-nya dengan sebab pelaksanaan kerja sademikian atau mana2 satu bahagian kerja yang sademikian dalam mana2 satu perkara dalam mana tuan yang empunya atau penduduk telah berjanji hendak membuat pekerjaan sademikian di-bawah bab 19 dari Undang² ini.

BAHAGIAN V KAWASAN SIMPANAN PURBAKALA

~~iharan
sim-
urba-~~

~~an
li-tegah
lesen.~~

21. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perentah mengishtiharkan sebarang tanah Kerajaan menjadi kawasan simpanan purbakala bagi maksud² Undang² ini.
22. Sesiapa orang pun tidak boleh, kechuali dibawah lesen dari Setia Usaha Kerajaan yang dikeluarkan salepas berunding dengan Pengarah —
- (a) membersehkan untuk berchuchok tanam atau menchuchok tanam mana2 satu bahagian dari sa-suatu kawasan simpanan purbakala; atau
 - (b) mendirikan sebarang rumah atau bangunan di atas sesuatu kawasan simpanan yang sademikian; atau
 - (c) menebang atau sabalek-nya menghapuskan sebarang pohon yang berdiri di atas sesuatu kawasan simpanan yang sademikian; atau
 - (d) sabalek-nya mencheroboh ka-atas sesuatu kawasan simpanan yang sademikian.

BAHAGIAN VI HARTA TERPENDAM

~~an
i
aan
pendam.~~

23. (1) Sesiapa pun orang yang menjumpai sebarang harta terpendam hendak-lah, kechuali dalam sesuatu perkara dalam mana ia-nya telah mema-

'alumkan tentang penjumpaan-nya dan menyerahkan benda2 yang di-jumpai itu di-bawah sharat2 bab 4 dari Undang2 ini, dengan serta-merta memberi ma'aluman tentang penjumpaan yang sademikian kapada Pegawai Daerah dari Daerah dalam mana harta terpendam itu telah di-jumpai dan hendak-lah menyerahkan harta terpendam tersebut kapada Pegawai Daerah, siapa yang akan memberi satu resip bagi-nya.

(2) Sa-orang Pegawai Daerah menerima ma'aluman di-bawah cheraian (1) dari bab ini hendak-lah menghubongkan yang tersebut kapada Pengarah.

(3) Jika Pegawai Daerah itu mempunyai sebab untok memperchayai bahawa sasuatu benda yang di-serahkan kapada-nya di-bawah bab ini ada-lah satu barang purbakala maka hendak-lah ia memberi ma'aluman sebagaimana yang di-kehendaki di-bawah cheraian (4) bab 4 dari Undang2 ini dan sharat2 dari Undang2 ini berkaitan dengan barang2 purbakala akan dari itu di-kenakan kapada benda yang sademikian dengan sharat jika benda sademikian ada-lah di-tetapkan oleh Jawatankuasa Muzium ada-lah bukan barang purbakala maka sharat2 dari Bahagian ini akan dari itu di-kenakan kapadanya.

(4) Jika Pegawai Daerah mempunyai sebab untok memperchayai bahawa sasuatu harta terpendam itu telah di-jumpai di-dalam daerah-nya dan penjumpaan yang tersebut belum lagi di-ma'alumkan kapada-nya di-bawah mana2 satu sharat dari Undang2 ini maka ia hendak-lah dengan notis sechara bertulis menghendakkan si-penjuma atau penjuma yang di-shaki menghadzirkan diri di-hadapan-nya pada suatu hari dan suatu tempat yang di-sebutkan dan menyerahkan kapada-nya semua harta terpendam yang sademikian atau harta terpendam yang di-shaki yang telah di-jumpai itu, dan Pegawai Daerah itu hendak-lah memberi satu resip bagi-nya.

~~in
daki
lenun-
hadzir-~~

24. (1) Manakala ia-nya menerima satu ma' aluman di-bawah bab 23 dari Undang² ini atau bilamana sasuatu harta terpendam yang sademikian, atau harta terpendam yang di-shaki, telah di-serahkan kepada-nya di-bawah cheraian (4) bab 23 dari Undang² ini Pegawai Daerah itu hendak-lah menyebabkan satu kenyataan supaya di-siarkan di-dalam *Warta Kerajaan* dalam keluaran dua kali berturut2 mengkehendaki semua orang yang menuntut harta terpendam itu atau sasuatu bahagian dari-pada-nya menghadzirkan diri atau dengan jalan wakil di-hadapan Pegawai Daerah itu pada suatu hari dan di-suatu tempat yang di-sebutkan dalam kenyataan itu, hari yang sademikian itu tidak kurang dari dua bulan atau lebeh dari tiga bulan sa-lepas penyiaran yang pertama kenyataan yang sademikian di-dalam *Warta Kerajaan*. Kenyataan yang sademikian itu boleh juga di-siarkan di-tempatan dalam Daerah itu bagi sasuatu tempoh selama tidak kurang dari satu bulan dan satu salinan-nya hendak-lah di-tarohkan di-tempat di-mana harta terpendam itu telah di-jumpai.

(2) Bilamana tuan yang empunya atau penduduk tempat itu dalam mana harta terpendam itu nampak-nya kapada Pegawai Daerah telah di-jumpai, ada-lah, pada tarikh penjumpaan-nya, orang yang bukan si-penjumpa, maka Pegawai Daerah hendak-lah memberikan kapada orang yang sademikian itu satu notis sechara bertulis yang sama maksud-nya.

~~itan hak
a gagal
zirkan~~

25. Sasiapa orang yang mempunyai sebarang hak, macham mana pun berbangkit-nya, terhadap sasuatu harta terpendam atau sasuatu bahagian daripada-nya, dan dengan sengaja gagal menghadzirkan diri sebagaimana yang di-kehendaki oleh kenyataan yang telah di-keluarkan di-bawah bab 24 dari Undang² ini, maka akan luchut-lah hak yang sademikian.

~~? yang
siasat.~~

26. (1) Pada hari dan di-tempat yang telah di-nyatakan di-bawah bab 24 dari Undang² ini Pegawai Daerah akan menyebabkan harta terpendam itu di-kemukan di-hadapan-nya dan akan menyiasat tentang dan menetapkan —

- (a) sama ada sasuatu benda atau barang itu ada-lah harta terpendam;
- (b) orang yang menjumpai, tempat dalam mana di-jumpai, dan perihal2 di-bawah mana, harta terpendam itu telah di-jumpai; dan
- (c) sahingga mana yang boleh, orang yang menyembunyikan dan perihal2 di-bawah mana harta terpendam yang sademikian telah di-sembunyikan.

(2) Pegawai Daerah boleh menanggohkan penyiasatan pada bila2 masa atau selama sasuatu tempoh dan hendak-lah menchatetkan sebab2-nya terhadap penanggohan yang sademikian.

Masa yang akan di-benarkan bagi penda'awaan orang menuntut.

27. Jika satelah sasuatu penyiasatan di-perbuat di-bawah bab 26 dari Undang2 ini, Pegawai Daerah ada sebab untok memperchayai bahawa harta terpendam itu telah di-sembunyikan dalam masa lima puluh tahun sbelum tarikh penjumpaan-nya, oleh sa-orang yang menghadzirkan diri-nya sebagaimana yang di-kehendaki oleh kenyataan yang tersebut dan menuntut harta terpendam yang sademikian itu, atau oleh sa-saorang lain di-bawah nama siapa orang yang sademikian itu menuntut, Pegawai Daerah itu hendak-lah membuat satu perentah menanggohkan penyiasatan perkara itu bagi selama sasuatu tempoh yang di-anggap-nya menchukopi untok membolehkan penda'awaan itu di-jalankan disabuah mahkamah yang mempunyai bidang-kuasa yang layak oleh orang menuntut untok mengesahkan hak-nya.

Bila-kah harta terpendam boleh di-ishtiharkan tidak di-punyai oleh sesiapa.

28. (1) Jika satelah penyiasatan yang sademikian Pegawai Daerah tidak ternampak sebab2 untok memperchayai bahawa harta terpendam itu telah di-sembunyikan sademikian; atau jika, satelah sasuatu tempoh di-tetapkan di-bawah bab 27 dari Undang2 ini, tidak ada penda'awaan di-jalankan sebagaimana yang telah di-sebutkan dahulu dalam masa sasuatu tempoh kapada pengetahuan Pegawai Daerah; atau

jika penda'awaan yang sademikian ada dijalankan dalam sasuatu tempoh dan tuntutan penda'awa di-tolak pada akhir-nya;

Pegawai Daerah itu boleh mengistiharkan harta terpendam itu tidak di-punyai oleh sesiapa.

(2) Sesiapa orang yang tidak puas hati dengan sasuatu pengishtiharan yang telah di-perbuat dibawah cheraian (1) dari bab ini boleh merayu terhadap yang tersebut dalam masa dua bulan daripada tarikh mengenai-nya kapada Mahkamah Tinggi.

(3) Terta'alok kapada rayuan yang sademikian itu, tiap2 pengishtiharan yang sademikian akan menjadi mu'tamad dan pasti.

**arta
dam
li hak
Kerajaan.**

29. Manakala pengishtiharan telah di-buat bersangkutan dengan mana2 harta terpendam di-bawah bab 28 dari Undang2 ini, harta terpendam tersebut ada-lah menjadi hak milek dan di-punyai oleh Kerajaan.

**1 kapada
umpa dan
unya**

30. Kerajaan boleh menurut pertimbangan-nya membayar sebagai satu hadiah kapada perjumpa sasuatu harta terpendam dan kepada tuan yang empunya sebarang tanah dalam mana ia-nya telah di-jumpai saberapa jumlah wang yang mungkin difikirkan patut.

BAHAGIAN VII

MENGEKSPOT BARANG2 PURBAKALA

**an
nai ekspot
li dengan**

31. (1) Sesiapa orang pun tidak boleh mengekspot sebarang barang purbakala melainkan ia-nya telah memperolehi satu lesen untuk mengekspot yang tersebut daripada Pengarah dengan sharat bahawa Pengarah itu sabelum mengeluarkan lesen ekspot hendak-lah berunding dengan Setia Usaha Kerajaan.

(2) Pengarah tidak boleh mengeluarkan sasuatu lesen jika pada pendapat-nya barang purbakala itu ada-lah sasuatu barang yang mempunyai kepentingan atau kechenderongan kebangsaan yang berke-

kalan dan saharusnya di-perolehi bagi pehak Kerajaan atau bahawa kerana sebarang sebab yang lain tidak-lah di-hajati dalam segi kechenderongan awam bahawa barang purbakala yang sademikian itu di-ekspot atau jika Setia Usaha Kerajaan membantahi ekspot mengenai-nya dengan sebab barang purbakala yang sademikian itu sapatut-nya di-perolehi bagi pehak Kerajaan.

(3) Sa-saorang pemohon bagi mendapatkan satu lesen ekspot sebarang barang purbakala yang dipohonkan yang akan di-ekspot, hendak-lah menyatakan harga terhadap-nya dan menyediakan apa2 jua butir2 yang lain berkenaan dengan-nya yang mana Pengarah mungkin berkehendakan dan hendak-lah, jika di-kehendaki oleh Pengarah, menarohkan sebarang barang purbakala yang sademikian dengan Pengarah itu bagi maksud pemereksaan.

(4) Lesen bagi ekspot sasuatu barang purbakala tidak akan di-keluarkan kepada sasiapa orang pun melainkan ia membuktikan sahingga memuaskan hati Pengarah bahawa ia-nya tuan yang empunya barang purbakala yang sademikian atau bahawa ia-nya menguruskan bagi pehak dan dengan kebenaran tuan yang empunya tersebut.

Menunjukkan lesen.

32. Satu lesen untuk mengekspot hendak-lah ditunjukkan oleh si-pemegang lesen itu kepada Pengarah atau pegawai kastam yang berkenaan bila2 di-kehendaki.

Kuasa meng-esahkan eksport barang2 purbakala.

33. (1) Jika pengeluaran sasuatu lesen ekspot mengenai sasuatu barang purbakala di-tolak oleh sebab2 yang di-nyatakan di-dalam cheraian (4) Bab 31 dari Undang2 ini sebarang orang yang tidak puas hati oleh penolakan yang sademikian boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam masa satu bulan dari menerima notis penolakan yang sademikian itu.

(2) Jika pengeluaran sasuatu lesen ekspot mengenai sasuatu barang purbakala di-tolak oleh sebab2 bahawa barang purbakala yang sademikian sapatut-nya di-perolehi bagi bagi pehak Kerajaan atau oleh sebab kechenderongan awam sebarang orang yang tidak puas hati oleh-nya boleh, dalam

masa satu bulan dari penerimaan notis yang sademikian, merayu kepada Jawatankuasa Muzium keputusan siapa akan menjadi mu'tamad.

ilan
ur-
ang
untok
.

34. Jika sasuatu lesen untuk mengekspot sebarang barang purbakala telah di-tolak oleh sebab bahawa barang purbakala yang sademikian sapatutnya di-perolehi bagi pehak Kerajaan, maka Kerajaan hendak-lah membayar kepada tuan yang empunya terhadap-nya nilaiang harga pasaran terhadap barang purbakala yang sademikian dan manakala itu tuan yang empunya yang tersebut hendak-lah menyerahkan yang tersebut kepada Pengarah siapa yang akan melakukan apa2 jua pun terhadap yang tersebut menurut arahan2 Kerajaan.

BAHAGIAN VIII

KUASA² PENGARAH

untok
ia
barang
atau
pendam.

35. Pengarah atau sebarang pegawai yang telah di-benarkan oleh-nya secara bertulis bagi maksud itu boleh pada bila2 masa pun yang berpatutan memerlukan sebarang barang purbakala atau harta terpendam dalam pegangan sebarang orang; dan akan menjadi kewajipan tiap2 orang yang sademikian untuk membenarkan pemereksaan yang sademikian dan selanjut-nya untuk memberi kapada Pengarah atau Pegawai yang sademikian semua kemudahan2 yang berpatutan untuk mengkaji barang purbakala yang sademikian atau harta terpendam dan untuk membuat lukisan2, gambar2, tekanan atau turunan terhadap-nya dengan membuat achuan2 atau dengan sebarang jalan2 lain :

Dengan sharat bahawa lukisan2, gambar2, tekanan2 atau turunan2 yang sademikian tidak akan di-jual tanpa persetujuan orang yang memegang barang purbakala atau harta terpendam itu:

Dengan sharat lagi bahawa jika orang tersebut membantahi pemereksaan yang sademikian oleh sebab2 keperchayaan hati-nya atau keugamaan Pengarah atau Pegawai yang telah di-benarkan oleh Pengarah tidak akan membuat pemereksaan yang

sademikian melainkan dengan kebenaran sechara bertulis terlebeh dahulu di-perolehi dari Sultan dalam Majlis Mashuarat.

Mewakilkan
kuasa2.

36. Pengarah boleh, dengan kebenaran Setia Usaha Kerajaan, 'am-nya atau khas-nya memberi kuasa menjalankan, melakukan atau menguruskan mana2 satu dari kuasa, kewajipan2 atau tugas2-nya di-bawah Undang2 ini atau sebarang peratoran2 atau atoran2 yang telah di-perbuat di-bawah-nya olch sebarang pegawai lain.

BAHAGIAN IX

HUKUMAN2

37. (1) Sesiapa orang pun, sebagai penjumba sebarang purbakala atau harta terpendam, yang gagal melaporkan yang tersebut atau menyerahkan yang tersebut atau menyatakan perihal2 tentang penjumpaan atau asal puncha yang tersebut, atau dengan sengaja membuat sa-suatu laporan falsu terhadap perihal2 yang sademikian atau asal puncha yang sademikian, boleh di-kenakan penjaraan selama satu tahun atau suatu dendaan sabanyak dua ribu ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(2) Sasiapa orang pun, yang bukan sebagai pemegang sasuan lesen untuk menggali yang telah di-beri di-bawah bab 13 dari Undang2 ini, yang dengan sengaja atau dengan chuai mengorek bagi mendapatkan barang purbakala atau merobohkan atau merosakkan sebarang barang purbakala, sama ada di atas atau di-bawah tanah, meski pun perbuatan2 itu ada-lah tuan yang empunya, boleh di-kenakan penjaraan selama tiga bulan atau sasuan denda sebanyak lima ratus ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(3) Sesiapa orang pun yang melakukan sasuan kesalahan terhadap mana2 satu sharat bab 18 dari Undang2 ini boleh di-kenakan penjaraan selama tiga bulan atau sasuan denda sebanyak lima ratus ringgit

atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(4) Sesiapa orang pun yang melakukan sasatu kesalahan terhadap mana2 satu sharat dari bab 22 dari Undang² ini boleh di-kenakan penjaraan salama 3 bulan atau sasatu denda sabanyak lima ratus ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(5) Sesiapa orang pun, yang bukan sebagai pemegang sasatu lesen untuk mengekspot yang telah di-beri di-bawah bab 31 dari Undang² ini, mengekspot atau chuba mengekspot sebarang barang purbakala boleh di-kenakan penjaraan selama tiga bulan atau sasatu denda sabanyak lima ratus ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(6) Sesiapa orang pun yang mengekspot atau chuba mengekspot sebarang barang purbakala berkenaan dengan yang mana sasatu lesen untuk mengekspot telah di-tolak menurut sharat² bab 34 dari Undang² ini boleh di-kenakan penjaraan salama satu tahun atau kedua2 sasatu dendaan sabanyak dua ribu ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(7) Sesiapa orang pun yang menjual atau sabelok-nya melakukan sasatu apa pun terhadap sebarang barang purbakala, berlawanan dengan sharat² Bab 9 dari Undang² ini, boleh di-kenakan penjaraan selama enam bulan atau sasatu dendaan sabanyak satu ribu ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(8) Sesiapa orang pun yang gagal memberi kemudahan² yang berpatutan kapada Pengarah, atau sebarang pegawai yang telah di-beri kuasa oleh Pengarah, untuk memereksa, mengkaji, membuat lukisan², gambar², tekanan² atau turunan² lain terhadap sebarang barang purbakala atau masok dan menyelenggarakan sebarang pekerjaan yang perlu bagi pemulehan, pembaikan, pengubahan, penjagaan atau pemeliharaan terhadap sebarang barang purbakala atau tempat bersejarah, di-mana kewajipan memberi kemudahan² yang sademikian ada-lah

di-kenakan oleh Undang² ini, boleh di-kenakan sa-suatu dendaan sebanyak lima ratus ringgit.

(9) Sesiapa orang pun yang dengan sengaja atau chuai memusnahkan, melakukan, merosakkan, me-ngubah, mengachau atau menchachatkan sebarang barang purbakala boleh di-kenakan penjaraan selama satu tahun atau sasuatu dendaan sebanyak dua ribu ringgit atau kedua2 penjaraan dan dendaan yang sademikian.

(10) Sesiapa orang pun yang dengan sengaja memperdayakan atau chuba memperdayakan sebarang pegawai Kerajaan yang bertindak dalam menjalankan tugas-nya dengan menyatakan sebarang bentok rupa, atau memberikan kenyataan atau pertunjok yang lain tentang betul atau sabalek-nya atau umor sebarang barang purbakala atau benda kechen-derongan purbakala boleh di-kenakan penjaraan selama satu tahun atau sasuatu dendaan sebanyak dua ribu ringgit atau kedua2 penjaraan dn dendaan yang sademikian.

Pembatasan terhadap penda'awaan.

38. Sasuatu penda'awaan bagi sebarang kesalahan terhadap Undang² ini tidak akan di-jalankan kechuali oleh atau dengan persetujuan Penda'awa Raya.

Perluchutan tuntutan² ter-hadap dan hak dalam barang purbakala atau harta terpendam.

39. (1) Sesiapa orang pun yang telah di-hukum ter-hadap sebarang kesalahan di-bawah Undang² ini berkenaan dengan sebarang barang purbakala (se-lain dari sasuatu tanda peringatan purba) atau harta terpendam dengan sebab hukuman yang sademikian hendak-lah meluchutkan semua tuntutan terhadap atau hak dalam yang tersebut atau penilaian terha-dap-nya atau sebarang hadiah berkaitan dengan perjumpaan terhadap-nya, dan di-dalam sasuatu perkara yang sademikian Hakim boleh memerentah-kan barang purbakala atau harta terpendam itu supaya di-serahkan kepada Pegawai Derah bagi pe-hak Kerajaan dan jika Hakim ada membuat peren-tah yang sademikian maka akan menjadi kewajipan sebarang orang, dalam pegangan siapa barang pur-bakala atau harta terpendam itu mungkin berada, untok saterus-nya menyerahkan-nya.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh merentahkan supaya sebarang barang purbakala atau harta terpendam yang telah di-luchutkan dibawah sharat2 dari bab ini di-serahkan kepada tuan yang empunya atau orang lain yang berhak kapadanya atau di-kembalikan kepada si-penjumpa yang mana2 satu perkara mungkin berlaku, atas sharat2 dan perjanjian yang di-anggap patut.

BAHAGIAN X

RAMPAIAN DAN ATORAN2

aran
z penjual-
rang2
tala.

40. (1) Kerajaan boleh salepas berunding dengan Pengarah, menjual sebarang barang purbakala yang mana ada-lah harta Kerajaan.

(2) Jika sebarang barang purbakala di-jual dibawah sharat2 cheraian (1) dari bab ini oleh Kerajaan kepada sebarang orang oleh yang demikian melainkan sebalek-nya telah di-persetujui dengan tegasnya sechara bertulis di-antara pehak2 terhadap penjualan yang sademikian maka sharat2 bab 9 dari Undang2 ini tidak akan berjalan lagi kuat-kuasa-nya terhadap barang purbakala yang sademikian dan satu lesen untuk mengekspot barang purbakala yang sademikian akan dengan tidak menchachatkan sharat2 cheraian (4) bab 31 dari Undang2 ini di-beri kapada saorang pemohon berkenaan dengan barang purbakala yang sademikian itu.

jaman
2 purba.

41. (1) Kerajaan boleh, dengan kebenaran Pengarah, membuat pinjaman2 atau penukaran2 sebarang barang purbakala yang mana ada-lah harta Kerajaan kepada atau dengan badan2 yang mahir atau mu-zium2 atau dengan sebarang pakar dan boleh membenarkan ekspot terhadap yang tersebut bagi maksud2 yang sademikian.

(2) Sebarang perjanjian bagi sasatu pinjaman di-bawah cheraian sabelum ini hendak-lah mengandongi sharat2 yang menchukopi bagi pemeliharaan, insuran dan jika Pengarah atau Kerajaan yang berkenaan memikirkan perlu, pengembalian kepada Kerajaan akan barang2 purbakala itu.

Mahkamah
Pengadil akan
mempunyai
bidang kuasa
penoh.

Pedagang2.

Atoran2.

42. Dengan tidak menghiraukan apa2 jua yang terkandong di-dalam Undang2 Mahkamah, 1952, sa-suatu Mahkamah Pengadil akan mempunyai bidang-kuasa untuk menjatohkan sebarang hukuman yang di-sharatkan di-dalam Undang2 ini atau sebarang atoran yang telah di-perbuat di-bawahnya bagi kesalahan2 yang sademikian.

43. Sesaorang pun tidak boleh membuat daganan dalam barang2 purbakala di-dalam sebarang Daerah melainkan ia-nya ada mempunyai suatu lesen pedagang yang telah di-beri oleh Setia Usaha Kerajaan.

44. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat atoran2 bagi maksud menjalankan atau memberi kesan kapada sharat2 dan Undang2 ini, dan, dengan tidak mengurangkan ke-umuman yang telah di-sebutkan sabelum ini, boleh membuat atoran2 —

- (a) meletakkan sharat2 dan batasan2 (termasok pembayaran dan jumlah sasuatu bayaran) terta'alok kapada yang mana sebarang lesen atau surat kebenaran di-bawah Undang2 ini mungkin akan di-beri atau di-keluarkan;
- (b) meletakkan sharat2 dan batasan2 (termasok pembayaran dan jumlah sasuatu bayaran) terta'alok kapada yang mana orang ramai boleh memasuki sebarang tanda2 peringatan purba di atas Tanah Kerajaan; dan
- (c) meletakkan sasuatu hukuman denda yang tidak lebeh dari lima ratus ringgit kerana pelanggaran atau kegagalan bagi memenohi sebarang sharat2 dari sebarang atoran yang telah di-perbuat di-bawah bab ini atau batasan2 atau sharat2 sebarang lesen atau surat kebenaran yang telah di-beri di-bawah sebarang atoran2 yang sademikian itu.

Di-luluskan pada 21hb January, 1967.

Pg. HJ. ABDUL RAHMAN
Juru Tulis
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.